

BERITA HARIAN

DATE: 31 / 07 / 2007

'Pertahanan kedaulatan negara'

BH-31/7/2007

Pasukan keselamatan tak boleh leka laksana tugas pelihara keamanan: Tuanku Mizan

KUALA LUMPUR: Penjawat awam khususnya anggota pasukan keselamatan diminta supaya jangan menjadi leka dan alpa dalam mengenang kecemerlangan sejarah silam.

Mereka sebaliknya perlu menjadikan sejarah sebagai sumber suntikan semangat agar lebih kental bagi meneruskan kesinambungan perjuangan dan kecemerlangan dalam melaksanakan tugas-tugas keamanan.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin bertitah "setiap seorang daripada kita hendaklah memastikan setiap inci bumi Malaysia ini tidak diintai dan diceroboh oleh musuh-musuh negara yang mungkin berselindung dan bertopeng dengan pelbagai bentuk dan rupa.

"Bertitik tolak dari sejarah jugalah menyaksikan bumi kita pernah dijajah dan kemudian turut menyaksikan sekian banyak nyawa yang terkorban dan jiwa yang menderita untuk mendapat kemerdekaan.

"Oleh itu melalui sejarah jugalah diambil sebagai iktibar untuk terus mengekalkan kemerdekaan, keamanan dan kesejahteraan bumi bertuah ini," titah baginda dalam perutusan sempena Hari Pahlawan hari ini.

Baginda bertitah walaupun negara ini aman, makmur dan sejahtera tetapi perlu sentiasa berwaspada dengan pelbagai bentuk ancaman yang sedang mengancam keselamatan dunia, antaranya ancaman keganasan antarabangsa.

"Akibat daripada manusia yang bersikap menolak toleransi dalam ke-

hidupan, maka kedamaian tidak mungkin wujud di dunia ini. Beta berharap setiap anggota pasukan keselamatan tetap teruskan perjuangan ke arah membina tamadun bangsa yang tinggi.

"Beta mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang mampu bertindak dan bersih daripada keganasan, berupaya membantu negara lain, termasuk memperbetulkan salah tanggapan terhadap agama Islam," titah baginda.

Baginda bertitah, tiada siapapun yang boleh menafikan bahawa pembangunan ekonomi negara banyak bergantung kepada keamanan dan ketenteraman dalam negara. Jesteru, pasukan keselamatan memainkan peranan yang amat penting dalam menangkis anasir yang cuba memporak-perandakan negara.

Titah baginda, pasukan keselamatan sepatutnya bangga dan megah dengan sumbangan mereka sebagai agensi yang bertanggungjawab membantu negara mencapai kemajuan dan kemandirian selama ini.

Seri Paduka juga mengingatkan rakyat mengenai betapa pentingnya dikekalkan kestabilan dan keharmonian hidup masyarakat berbilang kaum di negara ini dalam mencapai wawasan menjadi negara maju.

"Sebagai rakyat Malaysia yang berbilang kaum, hubungan baik dan sikap toleransi antara semua kaum perlu dipelihara dan dikembangkan dengan lebih meluas.

"Sensitiviti kaum mestilah dijaga dan dijadikan sempadan oleh semua pihak. Beta berharap semua rakyat

tanpa mengira keturunan agama dan budaya dapat menjalani kehidupan dengan bersatu padu, rukun dan damai," titah baginda.

Seri Paduka juga melahirkan perasaan sedih terhadap tragedi nahas helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia di Genting Sempah pada 13 Julai lalu dan terharu dengan semangat kerjasama yang ditunjukkan semua pihak ketika misi mencari dan menyelamatkan.

"Marilah kita sama-sama berdoa agar kejadian seumpama ini tidak akan berulang," titah baginda.

Baginda juga berharap agar keluarga mangsa nahas berkenaan reda dengan ketentuan Ilahi, bersabar dan sentiasa mendoakan agar roh mereka y ditempatkan bersama para syuhada dan orang beriman. - Bernama